



RASMI: Zamri merasmikan Karnival Kokurikulum UMSKAL Semester 1 Sesi 2023/2024 di Dewan Utama, UMSKAL pada Ahad lalu.

TERIMA KASIH: Dr. Sharifah menyampaikan cenderamata kepada Zamri diperhatikan Dr. Noor Hasanah (dua kanan), Johari (kanan), Felix Dean dan Nur Farahin (dua kiri).

KOMITED: Zamri (tiga kiri), Dr. Sharifah (empat kiri) dan Johari (dua kiri) bersama pegawai UMSKAL dan jurulatih kursus.

PENGHARGAAN: Zamri menerima cenderamata daripada peserta kursus diperhatikan Mas Adi (tiga kiri).

Karnival Kokurikulum kembangkan potensi pelajar UMSKAL

UB 13.01.2024 P.04

LABUAN: Karnival Kokurikulum diadakan untuk mengaplikasi hasil pembelajaran yang diperoleh oleh pelajar selama mengikuti kursus kokurikulum.

Ketua Pentadbiran Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Zamri Haj. Mohammad Tuah, berkata program ini memberikan pengalaman dan peluang kepada semua pelajar terlibat dalam mengembangkan potensi mereka, secara tidak langsung membentuk jati diri yang kukuh.

Tambahnya, program itu juga untuk merapatkan silaturahim setiap pelajar kursus kokurikulum semester 1 sesi 2023/2024 dengan kakitan-

gan dan masyarakat dalam serta luar W.P Labuan.

“Melalui aktiviti sebegini dapat melatih nilai kerjasama di antara pelajar bersama organisasi luar dalam mengadakan program serta memantapkan lagi kemahiran insaniah mahasiswa,” katanya.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid berkata demikian pada Majlis Penutupan dan Perasmian Karnival Kokurikulum UMSKAL Semester 1 Sesi 2023/2024 di Dewan Utama, UMSKAL, Ahad lalu.

Pelbagai aktiviti termasuk pertandingan dan pameran diadakan sepanjang tiga hari karnival itu diadakan.

Program ini sememangnya memberikan impak yang besar buat warga UMSKAL khususnya pelajar UMSKAL sendiri.

Program itu merupakan medium untuk mempamerkan nilai positif yang telah diperolehi sepanjang kursus kokurikulum sepanjang semester ini.

Selain itu, mempamerkan kemahiran insaniah yang telah diterapkan sepanjang semester melalui penganjuran aktiviti dan program di dalam Karnival Kokurikulum.

“Menyerlahkan bakat-bakat pelajar yang terpendam melalui kursus-kursus Kokurikulum sebagai salah satu kaedah mempromosikan UMS dan PKPP khusus-

nya.

“Melatih pelajar untuk berhadapan dengan masyarakat dan agensi luar di dalam usaha untuk menjayakan sesuatu program yang dianjurkan.”

“Melatih pelajar untuk bekerjasama dengan pihak luar dan merasai sendiri pengalaman berurusan daripada mula hingga program selesai dijalankan,” katanya.

Program KARKOMKAL ini adalah satu program terbaik yang wajar diberikan pujian kerana bukan mudah untuk jawatankuasa program bekerjasama dalam membuat persiapan untuk menjayakannya sehingga selesai.

Kejayaan ini membuktikan bahawa pelajar mempunyai

satu ikatan ukhuwah yang sangat utuh dan kebijaksanaan serta pengalaman yang diperoleh memberikan satu ilmu baharu dan bermanfaat untuk digunakan pada masa akan datang.

Turut hadir Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar UMS, Dr. Sharifah Rahama Amirul, Timbalan Dekan HEPA FKAL, Dr. Noor Hasanah Husin, Ketua Sektor PKPP UMSKAL, Johari Safar, Penolong Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Labuan Felix Dean Anthony Paru, Penyelaras Karnival Kokurikulum, Shahridah Shahdan dan Pengarah Karkomkal Sesi 2023/2024, Nur Farahin Mohd Ali.



MERIAH: Sebahagian pelajar bergambar kenangan bersama tetamu.